



**LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA)**

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), Agensi Badan Berkanun di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menjemput warganegara Malaysia yang berkelayakan, berpengalaman dan berminat serta berdedikasi bagi mengisi kekosongan jawatan yang bertaraf **Pembekal Khidmat (*Contract For Service*)** melalui satu perjanjian /kontrak dari setahun ke setahun berdasarkan keperluan seperti berikut;

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (e) Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai pengetahuan dalam bidang seni visual dan berkemampuan dalam hubung kait antara perniagaan dan seni visual serta mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik.
- (f) Bidang Kelayakan Akademik : Bidang Perniagaan dan Pemasaran

2. BAYARAN PERKHIDMATAN BULANAN

RM 2,980.00

3. DESKRIPSI TUGAS

- i. Membangunkan pelan perancangan perniagaan LPSVN.
- ii. Mengurusetikan penambahbaikan kepada Jawatankuasa Pemantauan bagi pengembangan/ penguncupan skop penjanaaan.
- iii. Melaksanakan urusan pemasaran produk dan perkhidmatan LPSVN dengan pihak luar dalam meningkatkan penjanaaan pendapatan kepada organisasi.
- iv. Menjangkakan cabaran dan halangan serta merangka jalan penyelesaian dalam melaksanakan penjanaaan pada masa akan datang.

4. CARA MEMOHON

Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan yang berkelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan melalui email ke humanresources@artgallery.gov.my **sebelum atau pada 23 Jun 2022 (Khamis).**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 23 JUN 2022

CATATAN AM

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas satu (1) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
- (d) Sebarang pertanyaan sila hubungi Seksyen Pengurusan Sumber Manusia di talian **03-4026 7000**.